


USIM MEMACU KECEMERLANGAN

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



"USIM dari segi visi dan objektifnya merupakan institusi yang amat sesuai untuk menerokai pelbagai bidang ilmu pengetahuan sejajar dengan tradisi keilmuan Islam serta keagungan penerokaan ilmu dalam sejarah tamadun Islam", ucapan Y.A.Bhg. Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia semasa merasmikan Kampus Tetap Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 25 November 2008.



ALUMNI 2008



Cik Fauziah Hassan,
Tutor Fakulti
Kepimpinan dan
Pengurusan USIM
"Saya pasti USIM
pada masa akan
datang berpotensi
untuk dikenali di
dalam dan luar
negara di samping
USIM sendiri berjaya
melahirkan graduan
yang berkecakupan
dan marketable".

ALUMNI 2007



En. Anuar Elias,
Penolong Pengurus
(Pengurusan Risiko)
BIMB
"USIM mampu untuk
menghasilkan
graduan-graduan
berkaliber,
berkecakupan dan
mampu untuk menjadi
pemangkin kepada
pembangunan negara.

ALUMNI 2006



**En. Shahrizal Abd.
Kadir, Setiausaha
Sulit Menteri di
Kementerian
Pertahanan Malaysia**
"Sebagai graduan
USIM saya tidak
pernah merasa kurang
berbanding graduan
universiti lain".



**Puan Norkareelawati
Abd. Karim,**
Pensyarah Fakulti
Kepimpinan &
Pengurusan USIM
"Fokus USIM adalah
untuk menghasilkan
produk (mahasiswa)
yang mampu
berinteraksi dengan
masyarakat di semua
peringkat lapisan
masyarakat".

Penubuhan USIM bermula 10 tahun lalu di mana perbincangan tentang pembentukan Universiti Islam milik negara sepenuhnya telah diadakan pada 25 September 1996 ketika YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, selaku Menteri Pendidikan pada waktu itu. Pada 11 Jun 1997, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan KUIM dan penubuhannya telah diwartakan pada 13 Mac 1998.

Bagi memantapkan lagi imej KUIM di peringkat antarabangsa, pihak kerajaan telah bersetuju proses penjenamaan semula KUIM dilakukan dan ditukar menjadi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 1 Februari 2007. Kini USIM terus memacu kejayaan dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan penulisan. Pembangunan Kampus diteruskan bagi memberi keselesaan kepada pelajar dan pensyarah untuk terus maju dala, bidang teras terutamanya pengajaran Islam.

USIM merupakan Universiti Islam yang pertama ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia, USIM bertanggungjawab dalam melahirkan para graduan dan ilmuwan yang bukan sahaja berpengetahuan luas dalam Islam malahan memiliki kemahiran dan pengetahuan bersepadu mengikut program-program masing-masing.

Di antara tujuan penubuhan USIM ialah memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke

dalam arus perdana pendidikan negara dan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. Penguasaan bahasa Arab dan Inggeris di samping bahasa kebangsaan juga menjadi tumpuan. Walau bagaimanapun, dalam usaha menjenamakan imej dan meningkatkan citra USIM, berbagai-bagai rintangan, halangan dan persepsi berjaya ditempuhi setelah berop-erasi selama hampir 9 tahun.

Program yang ditawarkan diolah untuk melahirkan graduan yang memenuhi keperluan pelbagai industri, luas ilmu pengetahuan, mempunyai ciri-ciri kemahiran insaniah dan yang paling penting penguasaan bahasa Arab dan Inggeris yang menjadi keutamaan USIM.

Bertunjangkan kesepaduan Ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu, USIM bertekad

menjadi Institusi alternatif kepada universiti-universiti terkenal timur tengah, khususnya dalam bidang pengajian Islam. Langkah ini adalah amat menepati dasar pendidikan tinggi negara bagi menghasilkan modal insan berkualiti di dalam negara disamping menarik lebih ramai pelajar asing untuk melanjutkan pengajian di Malaysia.

USIM telah berjaya mendahului sesetengah universiti lain dalam merealisasikan rancangan transformasi kerajaan yang menggalakkan program-program berbentuk double-major bagi memberi nilai tambah kepada program-program pengajian yang bersifat kurang kompetitif. Program-program tersebut juga telah mendapat pengiktirafan dari MQA seperti Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko), Sarjana Muda Sains komputer dengan kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) dan Sarjana Muda Pengajian Quran dengan

Multimedia.

Sehingga kini USIM mempunyai lapan buah fakulti yang menawarkan 22 program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, 12 program peringkat Sarjana, 5 program peringkat Doktor Falsafah dan 3 program peringkat Diploma Siswazah. Untuk memastikan kualiti pelajarannya terjamin dan mencapai objektif yang disasarkan, Pusat Tamhidi ditubuhkan bagi menawarkan program pengajian pra-universiti selama satu tahun dalam program-program pengajian terpilih.

Pada masa yang sama juga, beberapa program pengajian di peringkat sijil turut ditawarkan kepada masyarakat umum menerusi Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pusat Pengajian Umum. USIM juga turut memiliki beberapa Pusat Kecemerlangan Antarabangsa Dalam Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa (INFAD), Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Institute of Halal Research and Management (IHRAM) yang bakal ditubuhkan dan merancang penubuhan beberapa institusi lain seumpamanya.

USIM MELAKAR KEJAYAAN

Sepanjang 9 tahun beroperasi, banyak kejayaan yang telah dihasilkan oleh USIM antara yang terkini ialah:

- Malaysian Technology Expo Kuala Lumpur 2009 (MTE 2009) anjuran Malaysian Association of

Research Scientists (MARS) di PWTC pada 19 hingga 21 Februari 2009

- Pingat Perak - Sistem Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (eUNDI)
- Pingat Gangsa - Sistem Paparan Graduan (U-Grads)

- Pertandingan Laman Web Kementerian Pengajian Tinggi Tahun 2008 (Kategori IPTA) pada 16 Disember 2008 - Juara

- British Invention Show (BIS) 2008, London, pada 15-18 Oktober 2008 :

- ECOVP- Efficient Control of Virus Propagation - pingat Emas
- E-JAWI- JAWI Character Recognition Tools- pingat Emas
- EDOWA- Efficient Detection of Worms Attack- pingat Perak
- EDVITA- Efficient Defensive from Virus Infection through Apoptosis - pingat Perak

- INPEX 2008, Pittsburgh Pennsylvania, USA, 11-14 Jun 2008 - Pingat gangsa - "A New Machine Harvestable Chili"

- Brussels INNOVA 2008, Belgium, 13 - 15 November 2008

- Emas
 - 1) Onion and garlic mixture cube
 - 2) High Fiber Guava Cookies
- Perak**
- 1) Probiotic enriched guava drink

Gangsa

- 1) Instant Potato Pattie
- 2) High Fiber Guava Flakes
- 3) Fruity Purple sweet potato drink

- Selain itu, ahli akademik USIM juga telah terpilih untuk mewakili Malaysia ke perhimpunan Nobel Prize Winners with Young Scientists : 58th Meeting of Nobel Laureates (Dedicated to Physics) di Lindau, Germany pada 29 Jun - 12 Julai 2008.



Nisar Muhamad Ahmad, Tutor USIM yang sedang melanjutkan pengajian PhD di UK.



Aishah Khallela Abdul Sattar, pelajar antarabangsa peringkat Doktor Falsafah "USIM merupakan sebuah institusi yang bersifat terkehadapan dalam mengembangkan pembelajaran yang seimbang meliputi pengajian Islam dan bidang profesional".

